



KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

ISU PRODUK MI SEGERA MENGANDUNGI *ETHYLENE OXIDE*

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) mengambil maklum laporan oleh Pihak Berkuasa Kesihatan Taiwan mengenai isu pencemaran *ethylene oxide* dalam produk **Mi Kari Putih Penang Alai dari Malaysia** dan **Mi Segera jenama Indomie Perisa Ayam Spesial**.

Ethylene oxide merupakan sebatian gas kimia yang karsinogenik dan sering digunakan untuk membunuh makhluk perosak seperti serangga. Ianya juga digunakan sebagai bahan aktif dalam bahan pencuci tetapi tidak dibenarkan penggunaannya pada permukaan yang bersentuhan makanan.

Bagi sampel **Mi Kari Putih Penang Alai**, persampelan di Malaysia mendapati ianya mematuhi perundangan. Meskipun begitu, bagi memastikan kawalan keselamatan makanan yang berterusan, KKM telah **mengeluarkan arahan kepada pihak syarikat untuk penarikan balik secara sukarela produk Mi Kari Putih Penang Alai bagi batch berkaitan yang mempunyai tarikh luput 25 Ogos 2023 dari pasaran tempatan sekiranya ada**.

Berdasarkan semakan data dari *Food Safety Information System of Malaysia*, KKM juga mengesahkan bahawa terdapat **kemasukan produk Mi Segera jenama Indomie**

Perisa Ayam Spesial keluaran negara Indonesia ke negara ini. Dalam hal ini, KKM telah mengeluarkan arahan untuk tindakan Tahan, Uji dan Lepas bagi produk Mi Segera jenama Indomie Perisa Ayam Spesial di semua pintu masuk negara dan meminta pihak **syarikat menarik balik secara sukarela produk terlibat dari pasaran.**

Untuk makluman juga, lanjutan daripada isu penarikan semula produk Mi Sedaap keluaran negara Indonesia yang mengandungi Ethylene Oxide pada tahun 2022, KKM melalui Bahagian Keselamatan dan Kualiti Makanan telah menjalankan pemantauan keselamatan makanan yang berterusan ke atas produk makanan berkaitan yang dijual di pasaran tempatan mahupun yang diimport.

Hasil pemantauan dari 2022 sehingga kini ke atas 36 sampel produk mi segera **pelbagai jenama** di pasaran tempatan, didapati **11 sampel produk Mi Sedaap telah mengandungi ethylene oxide dan tindakan penguatkuasaan telah diambil.** Tindakan yang diambil termasuklah kompaun, tindakan mahkamah dan juga penarikan balik produk dari pasaran.

KKM sentiasa peka dan prihatin terhadap perkara yang boleh mengancam kesihatan pengguna. Pengguna dinasihatkan tidak mengambil atau memakan produk terlibat. Sebarang maklumat atau kemusykilan berhubung isu ini, pengguna boleh menghubungi Pejabat Kesihatan Daerah yang terdekat, menyalurkan melalui laman web <http://moh.spab.gov.my> atau laman facebook Bahagian Keselamatan dan Kualiti Makanan (BKMM) www.facebook.com/bkkmhq.

Sekian, terima kasih.

**DATUK DR. MUHAMMAD RADZI BIN ABU HASSAN
KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA**

26 APRIL 2023

LAMPIRAN



bernama